

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[PETALING JAYA]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kemaskini status “National Children’s Well-Being Roadmap” dan adakah geran sokongan kanak- kanak atau elaun penjagaan kanak-kanak yang disyorkan UNICEF akan dikaji.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**STATUS “NATIONAL CHILDREN’S WELL-BEING ROADMAP”**

Pada masa ini, Kementerian sedang menyemak semula Dasar Kanak-Kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-Kanak dan juga elemen kanak-kanak dalam Dasar Kesihatan Reproduktif dan Sosial untuk menjadi satu dasar kanak-kanak yang lebih komprehensif. Dalam usaha ini, Peta Laluan Kesejahteraan Kanak-Kanak Kebangsaan atau *National Children Well-Being Roadmap* (NCWR) kini dicadang dimasukkan sebagai input dalam semakan semula Dasar Kanak-Kanak Negara yang baharu.

**GERAN SOKONGAN KANAK- KANAK ATAU ELAUN PENJAGAAN KANAK-KANAK YANG DISYORKAN UNICEF**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan maklum akan salah satu cadangan untuk menyediakan “*Universal Child Care Allowance*” yang dikemukakan melalui kajian “*Children Without*” yang dilaksanakan oleh UNICEF pada tahun 2017. Kerajaan menyambut baik cadangan ini dan akan terus meneliti kesesuaian pelaksanaan seiring dengan program-program semasa Kerajaan.

Sebagai usaha memastikan kanak-kanak mendapat akses kepada asuhan dan jagaan yang sewajarnya, Kementerian memberi penekanan kepada penubuhan TASKA di sektor awam. Pada tahun 2019, 66 buah TASKA di tempat kerja sektor awam telah ditubuhkan, manakala pada tahun 2020 fokus penubuhan TASKA akan melibatkan TASKA di hospital dan sekolah.